



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 JULAI 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|-------------------------------------|----|
| - Bas Smart Selangor bakal ditambah | 36 |
|-------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 JULAI 2017 (RABU)

| | |
|--------------|-----------------------------------|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Bas Smart Selangor bakal ditambah |
| Muka Surat | 36 |

Bas Smart Selangor bakal ditambah

KLANG - Kerajaan negeri akan menambah 46 lagi bas Smart Selangor yang akan melalui 15 laluan bagi laluan kedua sebagai usaha memenuhi keperluan penduduk di negeri ini.

Exco Pelaburan, Perindustrian Industri Kecil Sederhana (IKS) serta Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim berkata, penambahan itu membabitkan peruntukan berjumlah RM20 juta.

"Kita jangkakan sebanyak 98 bas Smart Selangor akan beroperasi menerusi 30 laluan di 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri sehingga Ogos ini.

"Kita mahu catat rekod dunia iaitu bas percuma terbanyak tanggungan kerajaan negeri yang boleh mencapai 100 bas yang mana ia belum dilaksanakan di mana-mana negara di dunia," katanya kepada pemberita pada majlis Pelancaran Laluan Baru Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Klang (MPK), di sini semalam.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin.

Adun Sungai Pinang itu berkata, salah satu laluan baru itu sebenarnya sudah memulakan operasinya pada 7 Julai lalu di kawasan pentadbiran



Chang Khim (tiga, kanan) ketika melancarkan laluan baru Bas Smart Selangor di kawasan tadbir MPK, semalam. Turut hadir, Mohamad Yasid (dua, kiri).

Kita mahu catat rekod dunia iaitu bas percuma terbanyak tanggungan kerajaan negeri yang boleh mencapai 100 bas yang mana ia belum dilaksanakan di mana-mana negara di dunia." - Chang Khim

MPK.

"Perkhidmatan percuma yang beroperasi dengan empat bas itu membabitkan perbelanjaan RM1.25 juta.

"Kos bagi laluan kedua ini ditanggung secara bersama oleh kerajaan negeri dan MPK, kejayaan melancarkan laluan baru Bas Smart Selangor MPK02-ini adalah hasil usaha dan kerjasama semua pihak,"

katanya.

Beliau berharap penduduk Klang dapat mengambil peluang terbaik menggunakan kemudahan yang disediakan kerajaan negeri kerana ia tidak terdapat di negeri lain.

Lima PBT bakal menerima dua laluan baru iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis

Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSP).

Selain MPK, PBT lain yang menerima satu laluan adalah Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

MBSA dan MPSP turut menerima lapan bas baru, MPAJ (tujuh), MPS (enam), MPSJ, MPK dan MPKJ masing-masing empat, MDKS (dua) dan MDKL, MDHS dan MDSB masing-masing menerima satu bas baru.